



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**CERMINAN SOSIAL DAN NILAI MURNI  
DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA**

**JUMALI HJ.SELAMAT**

**FBMK 2001 2**

**CERMINAN SOSIAL DAN NILAI MURNI  
DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA**

**JUMALI HJ. SELAMAT**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2001**



**CERMINAN SOSIAL DAN NILAI MURNI  
DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA**

**Oleh**

**JUMALI BIN HJ. SELAMAT**

**Tesis yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Ogos 2001**



## **DEDIKASI**

Buat kalian ahli keluarga,  
yang memberi sokongan  
dan tidak jemu-jemu  
memberi perangsang,  
sehingga selesainya  
penulisan tesis ini.

Serumpun restu,  
buat ibu terhormat  
Hjh. Hamsinah Saijan,  
dan ayah yang telah pergi.  
Puan Zaitun Haji Sarbini,  
isteri yang tersayang  
kutitipkan ikhsan  
selaut harapan.

Segunung impian  
buat anak-anakku  
Muhammad Ezzriq,  
puteriku Noor Elhaiyu,  
Muhammad Ilyasyak dan  
juga Muhammad Al Farabi  
semoga Allah merestui kalian.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**CERMINAN SOSIAL DAN NILAI MURNI  
DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA**

Oleh

**JUMALI BIN H.J. SELAMAT**

**Ogos 2001**

**Pengerusi : Dr. Hj. Ramli @ Sahari Bin Isin**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang cerminan sosial dan penerapan nilai murni dalam novel-novel remaja. Melalui 25 novel yang dijadikan bahan kajian dengan menggunakan teori Pencerminan dan Pengkaedahan Melayu, diharapkan dapat menemukan rumusan yang memperkuuhkan lagi kenyataan bahawa sosiologi sastera mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan manusia. Objektif kajian ini untuk melihat gagasan pemikiran tentang sastera sebagai cerminan sosial dan kaitannya dengan kelompok di luarnya. Seterusnya, penelitian tertumpu kepada penganalisisan nilai-nilai murni yang memaparkan sifat-sifat terpuji, berbudi pekerti, bersopan santun dan berakhhlak mulia yang mampu melahirkan generasi berilmu dan syumul.

Penyelidikan ini menyentuh beberapa kajian lalu yang memperkatakan tentang perkembangan kesusasteraan remaja. Pembicaraan konsep dan



peranan sastera remaja turut dibincangkan dengan memberi tumpuan terhadap pengertian remaja dalam konteks Malaysia, konsep dan sejarah ringkas pertumbuhan sastera remaja tanah air. Selanjutnya, faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan beberapa keperluan novelis serta masa depan sastera remaja. Turut dibincangkan ialah peranannya selain memberi hiburan dan pengajaran, sastera remaja juga berupaya membentuk minat membaca, membina sahsiah dan pemikiran kritis serta memupuk semangat kewarganegaraan di kalangan remaja.

Kajian ini juga menganalisis cerminan sosial yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan agama dalam karya-karya pilihan. Aspek-aspek ini akan diteliti sewajar mungkin untuk melihat hubungannya dengan realiti dalam masyarakat. Melalui penyelidikan ini diharapkan dapat memperkuuhkan lagi pandangan bahawa hasil seni kesusasteraan merupakan pengucapan atau ekspresi pengarang yang tinggi lagi mulia.

Seterusnya, penganalisisan nilai murni dan pecahannya pula mendasari enam belas nilai murni seperti dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Penyelidikan Malaysia. Penyemaian dan penghayatan nilai-nilai murni turut membantu melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada agama, masyarakat dan negara.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SOCIAL REFLECTIONS AND MORAL VALUES  
IN ADOLESCENT NOVELS**

By

**JUMALI BIN HJ. SELAMAT**

**August 2001**

**Chairman : Dr. Hj. Ramli @ Sahari Bin Isin**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

This research intends to examine and gather information regarding the social reflection and instillation of good values as suggested in 25 selected adolescent novels. Using the theory on Malay reflection and methodology, it is hoped that a comprehensive conclusion will be arrived at, which will further strengthen the notion that social literature has a direct implication on human lives.

The objective of this research is to examine the views on literature as a reflection of social behaviour and their connection with various groups in the community. These views will be critically analysed according to the aspects of good moral values, which are assumed to be able to produce a generation that is knowledgeable and morally-upright.

This study also touches on past research regarding the development of adolescent literature in Malaysia and other countries. Discussions on the concept and role of adolescent literature are explained in accordance with the Malaysian contexts. Factors that influenced the development of adolescent literature, the needs of the novelist and the future of adolescent literature are also mentioned. Besides discussing the role of adolescent literature as a means of entertainment and education, it also inculcates reading habits, develops positive personality traits as well as critical thinking, and instills spirit of patriotism among the younger generation.

This paper also analyses social aspects like the influence of politics, economy, culture and religion in the selected novels. These aspects will be dealt with significantly to uncover their connection with society. Through this research, it is hoped that the view regarding ‘literary work as a fine work of art’ produced by the author, will be further strengthened.

Last but not least, the analysis of moral values and their sub-values prescribed by the CDC, Ministry of Education Malaysia is also included in the study. The instillation and dissemination of these values would help Malaysia create an educated, knowledgeable, ethical and religion-abiding society that benefits the country.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha  
Pemurah dan Maha Penyayang

Dengan rasa rendah diri dan penuh kesyukuran saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Ilahi di atas limpah rahmat-Nya sehingga saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini.

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dr. Hj. Ramli @ Sahari Isin selaku penggerusi penyeliaan dari Jabatan Bahasa Melayu, Prof. Madya Dr. Hj. Rosli Talif dari Jabatan Bahasa Inggeris dan Dr. Hj. Mohd. Hussein Hj. Baharuddin dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Kumunikasi, Universiti Putra Malaysia yang begitu ikhlas memberi tunjuk ajar, bimbingan dan galakan sepanjang masa sehingga tesis ini diselesaikan.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Kamaruzzaman Abdul Kadir (Dharmawijaya) yang sudi memberi pandangan dan kemudahan meminjamkan buku-buku yang amat berharga dalam melaksanakan kajian ini. Kepada Encik Ahmad Shah Abu Bakar dan semua responden yang memberi kerjasama bagi menjayakan penyelidikan ini, saya amat berterima kasih kepada kalian.

Segunung kasih juga buat ayah yang telah pergi, ibu tersayang Hajah Hamsinah Sajian yang sering mendoakan, isteri yang penyabar dan teguh semangat Zaitun Hj. Sarbini, anak-anak Muhammad Ezzriq, Noor Elhaiyu, Muhammad Ilyasyak dan Muhammad Al Farabi yang memberi perangsang dan harapan, kepada Allah (SWT) dipanjatkan doa dan kesyukuran kerana pengorbanan yang diberi serta memahami erti semangat perjuangan ini.

Wassalam.

Jumali Bin Hj. Selamat  
Lot 303, Kg. Bahagia Jiboi,  
Ampangan, 70400 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

15 Januari 2001  
20 Syawal 1421H



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN.....	vii
LEMBARAN PENGESAHAN.....	ix
PERNYATAAN KEASLIAN.....	xi
SENARAI KANDUNGAN.....	xii
SENARAI RAJAH.....	xv
SENARAI SINGKATAN.....	xvi

## BAB

<b>1 PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian.....	1
Pernyataan Masalah.....	3
Kepentingan Kajian.....	6
Objektif Kajian.....	10
Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian.....	12
Kaedah Kajian dan Penganalisisan.....	16
Pendekatan Kajian.....	19
Definisi Konsep dan Operasional.....	39
Novel Remaja.....	39
Cerminan Sosial.....	42
Nilai Murni.....	45
<b>2 SOROTAN LITERATUR .....</b>	<b>48</b>
Pengenalan.....	48
Kajian Penulisan Berkaitan.....	50
Penelitian Pengkaji Tempatan.....	56
<b>3 KONSEP DAN PERANAN SASTERA REMAJA.....</b>	<b>73</b>
Pengertian Remaja.....	73
Sejarah Ringkas dan Konsep.....	85
Faktor Perkembangan.....	100
Novelis Untuk Remaja.....	110
Peranan Sastera Remaja.....	121
Pembentukan Minat Membaca.....	121
Hiburan dan Pendidikan.....	130
Pembinaan Sahsiah dan Pemikiran Kritis.....	135
Memupuk Semangat Kewarganegaraan.....	141

Prospek Sastera Remaja dan Matlamat Wawasan 2020.....	146
<b>4 ANALISIS CERMINAN SOSIAL.....</b>	<b>157</b>
Aspek Politik.....	157
Kepimpinan Keluarga.....	161
Kepimpinan Remaja.....	171
Kepimpinan Guru.....	175
Kepimpinan Agama.....	179
Kepimpinan Kampung, Belia dan Masyarakat.....	183
Kepimpinan Politik dan Semangat Nasionalisme.....	189
Aspek Ekonomi.....	195
Pertanian.....	199
Perniagaan.....	202
Pembangunan Tanah.....	206
Ekonomi Selepas Ibu Bapa.....	208
Aspek Budaya.....	210
Persoalan Cinta.....	212
Pelajaran.....	217
Kasih Sayang.....	223
Pertentangan Pendapat/Konflik.....	226
Kepercayaan Karut.....	230
Mimpi.....	234
Gejala Sosial.....	236
Aspek Agama.....	240
Kebebasan Beragama.....	242
Penerapan Nilai-nilai Islam.....	247
Dakwah Islamiah.....	252
Memeiuk Islam.....	256
<b>5 ANALISIS NILAI MURNI.....</b>	<b>261</b>
Latar Nilai.....	261
Penerapan Nilai Murni.....	263
Baik Hati.....	267
Berdikari.....	275
Hemah Tinggi.....	280
Hormat-menghormati.....	284
Kasih Sayang.....	295
Keadilan.....	300
Kebebasan.....	303
Keberanian.....	307
Kebersihan Fizikal dan Mental.....	311
Kejujuran.....	316
Kerajinan.....	321
Kerjasama.....	327
Kesederhanaan.....	334
Kesyukuran.....	338
Rasional.....	342
Semangat Bermasyarakat.....	345

<b>6 KESIMPULAN.....</b>	351
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	362
<b>LAMPIRAN</b>	
A Bahan Kajian.....	382
B Analisis Aspek Politik.....	384
C Analisis Aspek Ekonomi.....	385
D Analisis Aspek Budaya.....	386
E Analisis Aspek Agama.....	387
F Analisis Nilai Murni.....	388
<b>BIODATA DIRI.....</b>	391

**SENARAI RAJAH**

Rajah	Halaman
1 Penganalisisan Kajian Menggunakan Model Pencerminan dan Pengkaedahan Melayu.....	18
2 Pendekatan Dalam Pengkaedahan Melayu.....	39
3 Taburan Kajian Sastera Remaja.....	60
4 Keperluan Novelis Dalam Berkarya .....	120
5 Teras Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam KBSM.....	265

## **SENARAI SINGKATAN**

- ASASI .....Angkatan Sasterawan Nasional Kedah
- DBP .....Dewan Bahasa dan Pustaka
- FPN .....Falsafah Pendidikan Negara
- JKKK .....Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
- KBSM .....Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
- KPM .....Kementerian Pendidikan Malaysia
- MKR .....Medan Kreatif Riong
- MPR .....Minggu Penulis Remaja
- PELITA .....Persatuan Penulis Terengganu
- PEN .....Persatuan Penulis Negeri Sembilan
- PUSTAKAP .....Persatuan Perpustakaan Sekolah Kelantan
- PPK .....Pusat Perkembangan Kurikulum
- PPSKR .....Pusat Pengembangan Sastera Kanak-kanak dan Remaja
- PURNAMA.....Pusat Penyelidikan Sastera Kanak-kanak dan Remaja  
Malaysia
- SAW .....Salallahu Alaihi Wassalam
- SRP .....Sijil Rendah Pelajaran
- SWT .....Subhanahu Wa Taala
- UKM.....Universiti Kebangsaan Malaysia
- UM.....Universiti Malaya
- UPM.....Universiti Putra Malaysia
- USM.....Universiti Sains Malaysia
- WHO .....World Health Organizations/Pertubuhan Kesihatan  
Sedunia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Masyarakat atau kelompok manusia secara mudah dapat dikategorikan kepada tiga golongan iaitu kanak-kanak, remaja dan dewasa. Secara umum kelompok remaja merupakan golongan terpenting dalam sesebuah negara. Faridah Taib dan Nuraidah Ali (1995a:3) menyatakan kelompok ini akan meneruskan agenda pembangunan negara, mengambil alih kepimpinan masa akan datang dan menjadi tenaga penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana. Ibrahim Mamat (1997:3) pula menegaskan remaja adalah komponen pelapis dalam sesebuah negara dan menjadi penjana pemantapan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat.

Oleh itu, remaja merupakan aset negara kerana kelompok inilah yang bakal menjadi golongan intelektual, profesional, penyambung generasi dan mencorakkan negara di masa hadapan. Di mana-mana sahaja didapati golongan ini akan mewarnai dan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa, termasuk dunia sastera yang semakin

berkembang. Ini disebabkan dalam usia remaja perasaan ingin tahu cukup tinggi, pemikiran mereka begitu kritikal dan keinginan mencuba sesuatu yang baru begitu menyerlah. Tidak keterlaluan jika dikatakan kelompok inilah yang teramai sekali meminati dan menikmati karya sastera remaja.

Sastera remaja adalah salah satu bidang dalam kesusasteraan Melayu moden yang semakin berkembang dan mendapat tempat terutama di kalangan khalayak remaja. Perkembangannya semakin popular disebabkan wujudnya kesedaran bahawa sastera remaja bukan sahaja memberi hiburan, keseronokan dan pengetahuan, malahan merupakan wadah untuk menyampai mesej dan menyerapkan unsur-unsur pembinaan insan. Perkembangan yang memberangsangkan ini dapat dilihat dengan bertambahnya manuskrip dalam pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi dan drama yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Kini sastera remaja semakin berkembang, di mana-mana sahaja karya remaja khususnya genre novel menjadi tatapan ramai terutama para pelajar kerana bahan-bahan ini mudah diperolehi sama ada di gedung-gedung ilmu atau pusat-pusat perniagaan. Pengedarannya yang meluas seperti di kedai-kedai buku, pusat pengedaran dan penjualan bahan bercetak, badan-badan penerbit dan di perpustakaan mempercepatkan lagi penyebarannya kepada khalayak. Bahan-bahan bacaan dan karya remaja yang begitu banyak di pasaran jelas membuktikan bahawa bahan tersebut cukup dominan dan diminati remaja.

Hubungan sastera dan golongan remaja memang tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1992:91), ini disebabkan kehidupan masyarakat dan pengarang menjadi bahan mentah dalam penulisan kreatif. Kehidupan masyarakat yang pelbagai bentuk dan ragam menjadi ilham pengarang untuk berkarya. Justeru, apa yang terhasil dalam karya dengan sendirinya merupakan pengucapan fenomena sosial yang sekaligus menggambarkan corak kehidupan sesebuah masyarakat. Kini sastera remaja bukan sahaja menjadi kegemaran remaja tetapi juga masyarakat umum. Mereka bukan sekadar berminat untuk menikmati karya, tetapi turut memiliki karya-karya tersebut.

### **Pernyataan Masalah**

Kesusasteraan merupakan manifestasi kesenian melalui media bahasa yang kreatif lagi indah, melaluinya dapat memberi peluang kepada khalayak untuk menikmati kehalusan dan keindahannya (Khatijah Abdul Hamid, 1987:1). Sebagai manifestasi kesenian, genre novel merupakan ekspresi atau pernyataan sebahagian daripada kebudayaan dalam masyarakat. Mohd. Taib Osman (1989:80) menjelaskan sebenarnya novel menyatakan *system of ideas* atau *world view* dan *system of values* yang mempunyai nilai estetikanya sendiri. Justeru, hasil seni kesusasteraan yang membicarakan tentang persoalan dan pergolakan kehidupan manusia serta masyarakatnya seperti di atas terdapat dalam novel-novel remaja.

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis cerminan sosial dan nilai murni dalam novel-novel remaja. Ini bertitik tolak daripada satu masalah yang sehingga ini masih belum terlerai iaitu tentang permasalahan yang berkait rapat dengan kehidupan remaja seperti keruntuhan moral, pergaulan bebas, kegiatan jenayah, penyalahgunaan dadah, lari dari rumah dan terlibat dengan maksiat. Permasalahan ini disusuli dengan persoalan yang ada hubungannya dengan cara pengarang melahirkan ideanya melalui pengalaman, pengetahuan dan imaginasi. Ini termasuklah idea bagaimana remaja menjalani kehidupan serta menghindari diri daripada prasangka negatif.

Persoalan juga timbul di kalangan pembaca, apabila mereka ingin mencari ‘kepuasan’ melalui novel-novel remaja. Kebanyakan novel yang terdapat dalam pasaran ketika ini tidak dapat memberi kepuasan kepada khalayak yang terdiri daripada pelbagai lapisan dan latar pendidikan. Ini disebabkan penulisan novel remaja melibatkan ramai pengkarya yang mempunyai latar belakang dan pendidikan berbeza serta perlu memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak penerbit. Justeru, walaupun penulis bebas untuk berkarya tetapi masih terikat dengan kehendak penerbit atau pengajur sesuatu peraduan.

Ada di kalangan khalayak yang menganggap novel remaja sebagai novel popular seperti yang banyak terdapat dalam pasaran. Penulisannya dikatakan mengutamakan nilai komersil, adunannya banyak mencerna unsur hiburan yang menimbulkan keseronokan, penyuguhannya

merangsang keghairahan di samping mengetepikan unsur pendidikan dan nilai keindahan karya. Anggapan seumpama ini menyebabkan karya remaja seolah-olah dipinggirkan oleh pembaca.

Novel merupakan satu dokumentasi sosial yang isinya menyentuh soal-soal kemanusiaan seperti perjuangan dalam kehidupan, pergolakan jiwa dan perasaan, persoalan cinta, kasih sayang, pertentangan pendapat, konflik antara keadilan dan ketidakadilan yang menggauli fikiran dan perasaan masyarakat (Rahimah Talib, 1991:47). Justeru, ada baiknya jika persoalan dan permasalahan dalam karya diketengahkan kepada umum supaya perkara ini dapat difikirkan bersama, di samping memberikan idea untuk mengatasi gejala keruntuhan moral dan tanggapan negatif terhadap golongan remaja. Adalah diharapkan kelompok masyarakat yang bertanggungjawab akan memberikan *respon* dan pendapat untuk sama-sama menanganinya.

Walaupun kehadiran novel-novel remaja begitu banyak dalam pasaran dan mendapat sambutan menggalakkan tetapi kurang mendapat perhatian daripada golongan akademik, cendekiawan dan budayawan untuk dikaji dan diteliti. Berdasarkan pernyataan di atas, pengkaji berhasrat untuk memberikan status yang lebih baik kepada novel-novel remaja dengan menumpukan kajian kepada cerminan sosial dan nilai-nilai murni yang menjadi kekuatan novel-novel remaja.

Untuk menjadikan kajian ini lebih sempurna, beberapa persoalan diketengahkan dengan meneliti aspek-aspek berikut;

- i. Apakah cerminan sosial yang merangkumi aspek politik, ekonomi, budaya dan agama terdapat dalam novel-novel remaja dekad 1990-an?
- ii. Dapatkan hasil seni kesusastraan yang membicarakan aspek sosial dalam novel-novel remaja menghadirkan pendidikan, pengetahuan, pengalaman dan memenuhi kehendak khalayak?
- iii. Adakah nilai-nilai murni dalam novel-novel remaja terdapat dalam setiap karya yang dikaji?

Berdasarkan persoalan di atas, kajian ini penting dilakukan terhadap novel-novel remaja dekad 1990-an kerana sebagaimana menurut Hashim Awang (1984a:45) setiap karya sastera yang dihasilkan akan memperlihatkan kehidupan manusia dan suasana pada zamannya. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membuktikan kebenaran pernyataan tersebut.

### **Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan mengangkat martabat sastera remaja agar mempunyai identitinya sendiri. Menurut Othman Puteh (1989a:7), penglibatan para pengkaji, sarjana dan pengkritik daripada pelbagai disiplin amat perlu kerana selama ini sastera remaja dianggap sastera

pinggiran, tidak penting dan terabai. Oleh itu, usaha mengangkat martabat sastera remaja akan menambahkan minat kepada pengkaji dan pencinta kesusasteraan untuk meneliti dan menganalisis karya-karya remaja. Serentak dengan itu permintaannya akan meningkat sekaligus merangsang para penulis untuk terus berkarya.

Bagi para pembaca tentunya akan mendapat manfaat melalui kajian ini kerana mereka akan memperolehi ilmu dan pengetahuan. Pencerminan sosial dan citra remaja dalam karya membolehkan pembaca mendapat maklumat dan mengenal pasti mesej yang disampaikan dengan menilai unsur-unsur dalaman karya. Melaluinya pembaca akan memperoleh manfaat daripada contoh teladan yang baik untuk meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna. Di samping itu, pembaca dapat menilai sama ada sesbuah karya atau novel itu bermutu atau tidak, dan pembicaranya dapat memberi kepuasan atau sebaliknya.

Penyelidikan ini penting untuk keperluan pendidikan dan pengajaran kerana melalui penekanan nilai-nilai agama, moral, psikologi, estetika, unsur didaktik, nilai kemanusiaan dan gagasan pemikiran positif yang diterapkan dalam karya boleh dimanfaatkan. Penggarapan nilai-nilai murni seperti ini boleh membantu untuk membina keperibadian yang mulia, budi pekerti yang luhur dan memupuk pemikiran yang matang untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme, bertanggungjawab, serta sanggup mempertahankan agama, bangsa dan negara.